

27/12/2001

NGO perlu jaga nama baik negara

Mohd Yusof Sulaiman

TEGURAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap segelintir badan bukan kerajaan (NGO) yang memperjuangkan isu alam sekitar sehingga leka untuk memberi sumbangan kepada pembangunan negara, Jun lalu memperlihatkan masalah serius yang melanda badan itu.

Ini kerana, NGO tidak boleh terikut-ikut telunjuk Barat sehingga tidak dapat membezakan di antara kebaikan dan keburukan dalam pembangunan, sebaliknya perlu bertindak mengikut acuan sendiri.

Dalam hal pembangunan, NGO hendaklah menyedari bahawa kegiatan yang dijalankan kerajaan mengambil kira kesannya kepada rakyat dan pertumbuhan ekonomi negara.

Dalam isu alam sekitar, contohnya, tentunya projek yang dilaksanakan kerajaan bertujuan memberi manfaat kepada rakyat, apatah lagi projek itu memenuhi piawaian pembangunan mapan.

Berbeza dengan NGO Barat, mereka sengaja menuding jari kepada mana-mana negara yang pada anggapan mereka mengetepikan kehendak sosial tetapi hal itu tidak diperjuangkan di negara mereka.

Justeru, pada Persidangan Minyak dan Gas Asia ke-6 baru-baru ini, Dr Mahathir menegur NGO alam sekitar yang seolah-olah gagal memahami fungsi mereka kepada negara.

Perdana Menteri berkata, walaupun kegiatan pembangunan, seperti pembinaan empangan hidro elektrik membabitkan beberapa kegiatan pembersihan hutan dan pemindahan penduduk, hakikatnya ia tetap mengekalkan hutan sebagai kawasan tadahan air dan memanfaatkan penduduk yang dibayar pampasan.

Krisis tanggungjawab NGO semakin bercelaru apabila perkara sama disentuh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika berucap pada majlis memperingati Hari Antidadah Antarabangsa 2001.

Abdullah menasihati beberapa NGO supaya tidak terlalu mengetengahkan isu sensasi seperti hak asasi dan keadilan sehingga mengetepikan tanggungjawab sebenar mereka kepada negara.

Selang beberapa bulan, NGO semakin mendapat tamparan apabila ada antara badan itu didapati tidak telus kerana didapati menyeleweng wang bantuan kerajaan.

Ketua Audit Negara, Datuk Dr Hadanah Abdul Jalil dalam laporan Penyata Akaun Awam dan kegiatan kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan 2000 antara 1998 hingga Jun 2000 mendapati bantuan kewangan berjumlah RM136.12 juta yang diberikan kepada 872 NGO bagi menjalankan kegiatan membantu golongan tidak bernasib baik, terutama kanak-kanak, remaja, wanita, orang kurang upaya, warga tua dan penghidap penyakit tertentu, tidak diuruskan dengan cekap.

Buktinya, pengauditan yang dijalankan di Kementerian Kesihatan; Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat; Kementerian Belia dan Sukan; Jabatan Perdana Menteri serta 56 NGO mendapati ada beberapa kelemahan dalam pengurusan dan penggunaan wang itu.

Tidak dinafikan, pendedahan dan teguran ini menimbulkan kebimbangan masyarakat terhadap tanggungjawab yang sepatutnya dilaksanakan oleh badan itu.

Hakikatnya, NGO sebagai sektor ketiga selepas kerajaan dan swasta perlu bertanggungjawab membangunkan masyarakat dan mengetengahkan sebarang masalah mengikut saluran yang betul untuk diselesaikan kerajaan.

Bagi memastikan matlamat itu terlaksana, maka NGO perlu menyedari bahawa

mereka tidak boleh leka dengan agenda peribadi sehingga menolak sumbangan mereka dalam pembangunan negara.

Berpegang kepada prinsip kemajuan bukan terhad dalam kegiatan pembangunan kebendaan semata-mata, malah meliputi kegiatan mendidik, membimbing masyarakat dan menjadikan mereka warga berguna, maka wajarlah NGO melipatgandakan usaha untuk mencapai matlamat penubuhannya.

Dalam hal ini, NGO yang terbabit secara langsung dalam kegiatan sosial hendaklah memperbanyakkan kegiatan sejajar dengan perkembangan masyarakat dan tidak boleh sesekali menyerah bulat-bulat kepada kerajaan.

Jika hal ini difahami, tentunya kelemahan yang didedahkan sebelum ini tidak berlaku.

Krisis tanggungjawab NGO agak meruncing beberapa tahun lalu di mana ada badan itu tanpa berselindung menentang kerajaan.

Pada akhir 1998, dua NGO dalam Majlis Belia Malaysia (MBM), Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) dan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) menolak resolusi menyokong kerajaan.

Sebaliknya, kedua-duanya didakwa menyertai Gerak (Gerakan Rakyat) yang dipimpin Ketua Pemuda Pas, Mahfuz Omar.

Begitu juga dengan sikap Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia (Suqiu) yang mendesak kerajaan menerima 17 tuntutan sehingga menyalahi beberapa dasar kerajaan.

Menyedari hal ini, maka beberapa rombakan dan perubahan hendaklah dilaksanakan, khususnya bagi memastikan NGO berfungsi berlandaskan matlamat penubuhannya.

Penganalisis politik, Dr Zambry Abdul Kadir, berkata fungsi NGO hendaklah dihalusi supaya ia tidak disalahgunakan untuk kegiatan yang menyalahi undang-undang dan budaya rakyat Malaysia.

Katanya, NGO bukan saja dikehendaki menjalankan kegiatan yang selari dengan tujuan penubuhannya, malah perlu memiliki ciri-ciri patriotik.

"Mereka (NGO) perlu menjalankan kerja amal, khususnya menyedarkan masyarakat dalam sebarang isu.

"Di samping itu, ia hendaklah memiliki semangat patriotik dan cintakan negara serta tidak mudah dijual beli oleh pengaruh asing yang berkemungkinan boleh menghancurkan negara," katanya.

Dr Zambry berkata, hal itu amat mustahak kerana fungsi NGO amat besar dalam pembangunan negara, khususnya bagi menentukan penggubalan dasar kerajaan.

Justeru, jika badan itu mengetengahkan agenda tidak sihat seperti menghasut rakyat atau menjejaskan nama baik kerajaan, maka negara akan terkebelakang dalam banyak perkara.

Katanya, ada NGO di negara ini yang mempunyai matlamat menyimpang daripada matlamat asal penubuhannya. Pada mereka perjuangan politik lebih utama daripada membangunkan rakyat dan negara.

"Ada NGO yang seolah-olah mempunyai agenda politik bertujuan memaksa dan menjahanamkan kerajaan," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, ada NGO menggunakan kedudukan badan sosial untuk mencari pengaruh dalam politik.

Selepas mendapat simpati dan berjaya mempengaruhi rakyat, maka mereka bertindak mengajak rakyat menolak satu-satu isu atau dasar yang pada anggapannya tidak wajar.

Dr Zambry berkata, bagi memastikan perkara itu tidak berulang, maka NGO perlu memahami fungsi sebenarnya.

"NGO bukan gerakan yang bertindak mengikut perkembangan isu atau menjaga kepentingan kelompok individu atau kumpulan kecil, sebaliknya menjaga nama baik kerajaan dan negara," katanya.

(END)